



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (74) dlm. KKM 87 (P20/710/1)
Bhg. 2
Tarikh: 8 Mei 2001

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,
Hospital Selayang

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Dato'/Datin/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 7/2001
GARISPANDUAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA OLEH
HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN**

1 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan perolehan perkhidmatan perubatan swasta oleh hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

2 LATARBELAKANG

Garis panduan mengenai penggunaan kemudahan swasta oleh hospital kerajaan telah pertama kali dikeluarkan pada tahun 1992. Perolehan perkhidmatan perubatan swasta dahulunya melibatkan sebilangan kecil perkhidmatan berteknologi tinggi dan terhad kepada beberapa buah hospital sahaja. Memandangkan aktiviti ini semakin meningkat dan melibatkan lebih banyak hospital dan perkhidmatan, maka terdapat keperluan menyemak dan mengemaskini garis panduan sedia ada. Kertas dasar perolehan perkhidmatan perubatan swasta telah dibentang dan dipersetujui di Mesyuarat JDPKK bil 4/2000.

3 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA

Garis panduan ini memberikan kenyataan dasar mengenai perolehan perkhidmatan perubatan swasta, jenis dan kategori perkhidmatan, kriteria perolehan yang meliputi

juga perolehan atas sebab kecemasan, prosidur dan peraturan (meliputi penyediaan kertas cadangan, peringkat kelulusan, penyediaan perjanjian dan tandatangan), peruntukan kewangan, caj/bayaran perkhidmatan, tanggungjawab pemantauan dan laporan/maklumbalas. Adalah penting semua aspek ini serta pihak yang bertanggungjawab dijelaskan bagi memastikan setiap perolehan dilakukan dengan teratur, mematuhi kriteria tertentu dan terdapat sistem untuk memantau kualiti perkhidmatan.

4 TARIKH PELAKSANAAN

Garis panduan ini hendaklah dilaksanakan serta merta di semua hospital Kementerian Kesihatan.

5 TANGGUNGJAWAB PENGAWASAN

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab memastikan pelaksanaan garis panduan ini.

6 PERTANYAAN


Sekiranya terdapat pertanyaan, sila berhubung dengan Bahagian berkenaan dialamat berikut,

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590,
Kuala Lumpur

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



(DATU-DR. HJ. MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan

GARISPANDUAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA OLEH HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN.

1 TUJUAN

Surat ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan peraturan mengenai perolehan perkhidmatan perubatan dari pihak swasta oleh hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

2 LATARBELAKANG

2.1 Perolehan perkhidmatan perubatan swasta telah dilaksanakan sejak tahun 1985. Pada masa tersebut penyediaan perkhidmatan perubatan peringkat tertiary dan peralatan diagnostik yang berteknologi tinggi terhad kepada beberapa hospital sahaja. Disamping itu terdapat kekurangan pegawai pakar di hospital kerajaan terutama dalam bidang tertentu contohnya anaesthesia. Perolehan perkhidmatan perubatan swasta dan juga penggunaan perkhidmatan pakar swasta secara sessional telah dipersetujui bagi mengatasi masalah diatas. Berikutan itu garis panduan berikut telah diedarkan pada tahun 1992 iaitu,

- Garispanduan mengenai Penggunaan Kemudahan Swasta Oleh Hospital Kerajaan
- Garispanduan Pengambilan Pakar Swasta Untuk Berkhidmat Di hospital Kerajaan Secara Sessional

2.2 Perolehan perkhidmatan perubatan swasta adalah juga selaras dengan dasar Persyarikatan Malaysia dimana pihak awam dan pihak swasta digalakkan menjalin kerjasama dalam berbagai bidang bagi memajukan negara.

2.3 Selain dari perolehan perkhidmatan perubatan swasta secara formal (melalui perjanjian), hospital juga memperolehi perkhidmatan perubatan swasta dalam situasi kecemasan (life and death situation) dimana rawatan diperlukan segera dan rawatan berkenaan tidak terdapat dihospital kerajaan yang berdekatan.

2.4 Oleh kerana perolehan perkhidmatan perubatan swasta melibatkan kos tambahan yang tinggi kepada kerajaan, garis panduan sediada perlu dikajisemula dan dikemaskini bagi memastikan setiap perolehan dilakukan dengan teratur, mematuhi kriteria tertentu dan terdapat sistem untuk memantau kualiti perkhidmatan yang diberikan.

3 DASAR PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bil 4/ 2000 telah bersetuju dengan perkara berikut,

3.1 Perolehan perkhidmatan perubatan daripada pihak swasta adalah bagi perkhidmatan tertentu yang akan ditentukan oleh Kementerian mengikut keperluan dan keutamaan.

- 3.2 Perolehan perkhidmatan perubatan swasta dilaksanakan secara terkawal melalui perjanjian yang ditandatangani bersama, bagi tempoh masa tertentu, dan di nilai dari masa ke masa bagi memastikan pematuhan peraturan dan standard yang ditetapkan.

4 JENIS / KATEGORI PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diperolehi daripada pihak swasta merangkumi perkhidmatan diagnostik dan juga perkhidmatan rawatan perubatan. Beberapa perkhidmatan yang sedang diperolehi daripada pihak swasta adalah seperti **dilampiran 1**.

5 KRITERIA PEROLEHAN

Bagi setiap cadangan perolehan perkhidmatan perubatan swasta, berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian,

5.1 Kriteria Bagi Perolehan Perkhidmatan Perubatan Swasta

- Perkhidmatan perubatan berkenaan termasuk dalam pelan perancangan perkembangan perkhidmatan perubatan dibawah Rancangan Malaysia 5 tahun tertakluk kepada keperluan perkhidmatan, keutamaan penyakit dan faktor-faktor lain yang berubah dari masa ke semasa.
- Perkhidmatan swasta terdapat didalam kawasan ataupun dikawasan yang berhampiran. Sekiranya diluar kawasan, timbul masalah pengangkutan, penginapan dan juga kesulitan kepada saudara mara pesakit.
- Perolehan perkhidmatan perubatan daripada pihak swasta didapati lebih menjimatkan (cost-effective) bagi jangka masa panjang.
- Perolehan perkhidmatan perubatan swasta adalah bagi perkhidmatan (rawatan atau siasatan) yang tidak terdapat dihospital kerajaan yang merujuk. Sekiranya perkhidmatan terdapat dihospital kerajaan yang berdekatan, maka perolehan daripada pihak swasta tidak digalakkan.
- Perkhidmatan swasta berkenaan memenuhi standard dan peraturan yang ditetapkan dibawah mana-mana perundangan atau Akta.
- Perolehan perkhidmatan perubatan swasta mempunyai tempoh masa dan juga amoun/ kos terlibat. Keperluan melanjutkan perolehan perkhidmatan perubatan swasta perlu disertai dengan alasan serta justifikasi yang kukuh.

5.2 Kriteria Perolehan Atas Sebab Kecemasan

Perolehan dari pihak swasta atas sebab-sebab kecemasan perlu memenuhi beberapa kriteria dan prosidur yang ditetapkan seperti berikut,

- Keadaan kecemasan yang dimaksudkan ialah 'life-threatening situation' dimana rawatan segera dapat menyelamatkan nyawa serta memberi outcome atau prognosis yang lebih baik kepada pesakit.
- Tiada rawatan alternatif lain yang dapat diberikan kepada pesakit berkenaan.
- Perolehan rawatan kecemasan adalah bagi tempoh masa kecemasan dan pesakit dipindahkan semula ke hospital kerajaan untuk siasatan/ rawatan lanjut.
- Rujukan kes kecemasan ke pihak swasta adalah atas dasar 'case by case'.
- Rujukan kes kecemasan ke pihak swasta hendaklah dilakukan oleh pakar ataupun oleh pegawai perubatan selepas konsultasi dengan pakar. Semua rujukan perlu mendapat kelulusan pengarah hospital.
- Semua maklumat berkaitan dengan rujukan ke pihak swasta hendaklah di dokumenkan.

(Sekiranya pihak hospital terpaksa merujuk kes ke pihak swasta kerana peralatan rosak dan tidak dapat dibaiki dalam masa yang ditetapkan, syarikat konsesi boleh diminta menanggung perbelanjaan terlibat. Amalan ini hendaklah mematuhi prosidur dan peraturan yang ditetapkan dan pihak hospital mendapat persetujuan bertulis syarikat konsesi sebelum merujuk kes).

6 PROSIDUR/PERATURAN

Bagi memastikan perolehan perkhidmatan perubatan swasta dilaksanakan dengan teratur dan sistematik, prosidur berikut perlu diikuti oleh semua pihak yang terlibat (sila rujuk lampiran 2)

6.1 Penyediaan Kertas Cadangan

Pihak negeri/hospital perlu mengemukakan kertas cadangan perolehan perkhidmatan perubatan swasta untuk pertimbangan Kementerian. Cadangan perlu meliputi perkara berikut,

- Cadangan perolehan perkhidmatan
- Pihak swasta yang menyediakan perkhidmatan
- Justifikasi perolehan perkhidmatan dari pihak swasta
- Jenis kes dan bilangan terlibat
- Tempoh masa perolehan diperlukan
- Kadar bayaran dan implikasi kewangan
- Sistem kawalan dan pemantauan

6.2 Kelulusan di Peringkat Kementerian

- Jawatankuasa Perolehan Perkhidmatan Perubatan Swasta diwujudkan di peringkat Kementerian untuk mengkaji dan mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan. Cadangan melanjutkan perolehan juga dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang sama, sila lihat lampiran 3 mengenai keahlian dan TOR Jawatankuasa.
- Sekiranya belum ada dasar yang jelas mengenai perolehan sesuatu perkhidmatan, maka cadangan berkenaan akan di bawa terlebih dahulu ke mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK).

6.3 Kelulusan Perbendaharaan

Perolehan perkhidmatan perubatan dari pihak swasta melibatkan perbelanjaan tambahan. Oleh itu semua perolehan perkhidmatan perubatan swasta yang dipersetujui oleh Kementerian akan di kemukakan ke pihak Perbendaharaan untuk kelulusan.

6.4 Penyediaan Perjanjian Perolehan Perkhidmatan

Pihak hospital bertanggungjawab menyediakan dokumen perjanjian bagi perolehan perkhidmatan perubatan swasta spesifik bagi hospital masing-masing berdasarkan perjanjian standard yang telah disediakan (sekiranya ada). Perjanjian juga boleh disediakan bagi perolehan perkhidmatan perubatan bagi kes-kes 'kecemasan'. Perbincangan /rundingan dengan pihak swasta perlu diadakan bagi mencapai persetujuan bagi perkara berikut,

- terma-terma dan syarat perjanjian
- tanggungjawab kedua-dua pihak
- kadar bayaran yang dipersetujui
- tempohmasa perjanjian (perjanjian hendaklah disediakan untuk tempohmasa sekurang-kurangnya 2 tahun).

6.5 Semakan dan Urusan Tandatangan Perjanjian

Draf perjanjian yang telah di persetujui oleh kedua-dua pihak (hospital dan pihak swasta) dikemukakan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk semakan oleh Penasihat Undang-Undang dan Bahagian-Bahagian lain yang berkenaan. Perjanjian yang dipersetujui akan dikemukakan semula ke pihak Negeri/Hospital untuk mendapatkan tandatangan pihak swasta. Tandatangan dipihak Kementerian akan diuruskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan.

7 PERUNTUKAN KEWANGAN

- 7.1 Pihak hospital/negeri perlu memohon peruntukan yang diperlukan untuk perolehan perkhidmatan perubatan swasta sekiranya tidak ada peruntukan mencukupi dibawah belanjawan mengurus. Permohonan peruntukan tambahan dikemukakan dibawah dasar baru.

- 7.2 Bagi tahun semasa, peruntukan yang diperlukan hendaklah dipohon dibawah perbelanjaan tambahan semasa semakan belanjawan di pertengahan tahun.
- 7.3 Bahagian Belanjawan perlu mengenalpasti dan menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan ini.

8 CAJ/ BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

8.1 Pesakit tanggungan kerajaan

Pihak hospital bertanggungjawab menjelaskan bayaran kepada pihak swasta dan seterusnya mengenakan bayaran berikut kepada pesakit,

- Bagi pegawai/anggota kerajaan – bayaran rawatan perubatan di tanggung oleh pihak hospital manakala pesakit dikenakan bayaran wad mengikut kelayakan yang ditetapkan.
- Bagi golongan yang kurang mampu (memenuhi kriteria yang ditetapkan), pengecualian bayaran diberi mengikut peruntukan dalam Akta Fee (Perubatan).

8.2 Pesakit bukan tanggungan kerajaan,

- Bagi perkhidmatan diagnostik, pihak hospital menjelaskan bayaran kepada pihak swasta dan pesakit dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan dalam Akta Fee (Perubatan).
- Bagi perkhidmatan rawatan perubatan, bayaran tidak ditanggung oleh pihak hospital. Pesakit perlu menjelaskan sendiri bayaran kepada pihak swasta.

9 PENGAWASAN DAN PEMANTAUAN

Pihak negeri dan hospital bertanggungjawab memantau perolehan perkhidmatan perubatan swasta. Suatu sistem pemantauan perlu disediakan untuk memastikan perkhidmatan yang diperolehi adalah cekap, berkesan dan berkualiti. Pemantauan perlu dijalankan, keatas setiap perkhidmatan bagi aspek berikut,

- Bilangan dan jenis kes yang dirujuk kepada pihak swasta
- Kos perbelanjaan (setiap kes dan jumlah keseluruhan)
- Masa menunggu (masa/tarikh rujukan sehingga masa/tarikh perkhidmatan atau rawatan diterima oleh pesakit)
- Kualiti perkhidmatan– indikator kualiti perlu diwujudkan contohnya kepuasan pesakit dari segi ketepatan masa, ketepatan maklumat dan penjelasan, keprihatinan anggota berkhidmat dan lain-lain.









10 LAPORAN /MAKLUMBALAS

Laporan/maklumbalas mengenai perolehan perkhidmatan perubatan swasta serta isu-isu berbangkit hendaklah dikemukakan setiap akhir tahun kepada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk makluman/penilaian dan tindakan yang sewajarnya. Sila gunakan format laporan seperti **dilampiran 4**.

**SENARAI PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG DIPEROLEHI
DARI PIHAK SWASTA**

1. Perkhidmatan radiotherapi
2. Perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik
3. Perkhidmatan diagnostik imaging seperti CT Scan dan MRI
4. Perkhidmatan rawatan lithotripsy
5. Perkhidmatan angiograms

CARTA ALIRAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA

Prosedur	Pihak bertanggungjawab	Carta aliran
1 Sedia kertas cadangan	Hospital/Negeri	
2 Semak cadangan - objektif - justifikasi - kadar bayaran/kos implikasi - dll	Bhg. Perkembangan Perubatan dan Bahagian-Bahagian lain yang berkaitan.	
3 Kelulusan perolehan perkhidmatan (bagi cadangan baru yang belum diluluskan oleh JDPKK)	JDPKK (Bhg. Perkembangan Perubatan)	
4 Kelulusan perolehan perkhidmatan untuk spesifik Hospital	Jawatankuasa Perolehan Perkhidmatan Perubatan swasta (Bhg. Perkembangan Perubatan)	
5 Kelulusan perbendaharaan	Bhg. Perolehan & Penswastaan	
6. Sedia perjanjian dan bincang/runding dengan pihak swasta	Hospital/Negeri	
7 Semak perjanjian - Bhg. Perkembangan Perubatan - Penasihat Undang-Undang & - Bhg. Perolehan & Peswastaan	KKM	
8 Tandatangan perjanjian oleh pihak Swasta	Negeri/Hospital	
9 Tandatangan perjanjian Oleh KKM (mengikut peringkat penurunan kuasa)	Bhg. Perolehan & Penswastaan	

JAWATANKUASA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA

Pengerusi,

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Ahli,

Pengarah Perkembangan Perubatan
Ketua Jabatan yang berkenaan
Setiausaha Bahagian Kewangan (Belanjawan)
Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaaan

Urusetia,

Bahagian Perkembangan Perubatan

TOR

1. Menetapkan prosidur dan peraturan untuk memperolehi perkhidmatan perubatan swasta
2. Menyemak dan mempertimbangkan cadangan perolehan perkhidmatan perubatan swasta yang dikemukakan oleh hospital-hospital.
3. Menyemak dan mempertimbangkan cadangan untuk melanjutkan perolehan perkhidmatan perubatan daripada pihak swasta.
4. Mengawasi pelaksanaan aktiviti perolehan perkhidmatan perubatan swasta bagi aspek kualiti, effectiveness and efficiency.
5. Menyemak dan mengkajisemula dasar perolehan perkhidmatan perubatan swasta.

FORMAT LAPORAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA

Hospital.....

Tahun.....

Perkhidmatan yang diperolehi daripada swasta	Tarikh dan tempoh perjanjian	Bilangan kes terlibat	Jumlah kos setahun	Perkhidmatan memuaskan/ tidak memuaskan (sila nyatakan indicator yang digunakan)	Ulasan

Laporan dikemukakan ke Bahagian Perkembangan Perubatan pada /sebelum akhir bulan Januari tahun berikutnya.

- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Perkembangan Perubatan
- Pengarah Amalan Perubatan
- Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
- Setiausaha Bahagian Kewangan